




1. JAWATAN	: JURUTERA KERJA / ARKITEK KERJA / JURUUKUR BAHAN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: DUA PULUH (20)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Struktur / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Elektrik / Arkitek / Juruukur Bahan Kanan atau bidang bersesuaian.
b) Sedang berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya sebagai Jurutera / Arkitek / Juruukur Bahan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.
2. Menjadi Ahli *Institution of Civil Engineers United Kingdom [MICE]* / *Institution of Mechanical Engineers [MIEng]* / *Chartered Institute of builders [CIOB]* / *Royal Institute of British Architects United Kingdom [MRIBA]* / *The Professional Royal Institution of Chartered Surveyors United Kingdom [MRICS]* atau yang setaraf dengannya yang diiktiraf adalah kelebihan.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.




TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTERA KERJA / ARKITEK KERJA / JURUUKUR BAHAN KANAN:

Tugas-Tugas Utama

Memantau dan mengawasi pelaksanaan projek Jabatan, projek-projek dibawah Rancangan Kemajuan Negara dan projek-projek pemeliharaan bangunan yang diamanahkan untuk dilaksanakan supaya iaanya mengikut harga, masa kualiti yang telah ditetapkan.

Secara Amnya

1. Melapor kepada Jurutera Kerja Kanan dan bertanggungjawab kepada Jurutera, Juruukur Bahan, dan Arkitek serta kakitangan.
2. Mengawasi pelaksanaan peruntukan bagi projek-projek Jabatan di bawah Rancangan Kemajuan Negara dan projek pemeliharaan bangunan dibawah peruntukan berulang-ulang.
3. Memastikan projek yang dilaksanakan mengikut peraturan yang terkandung didalam Paiwaian Brunei Darussalam (PDB) 12, Peraturan-Peraturan Kewangan (FR), Green Building Initiative (GBI) dan akta yang berkuatkuasa pada masa ini.
4. Memantau dan meneliti pelaksanaan *Building Condition* (BCA) dan *Facilities Management* (FM) bagi bangunan-bangunan Kerajaan yang dibawah kawalan Jabatan ini.
5. Meneliti penyediaan anggaran pemeliharaan bagi projek-projek yang baru.
6. Meneliti dan memantau penyediaan dokumen tawaran seperti lukisan dan spesifikasi.
7. Meneliti penilaian tawaran (*tender assessment*).
8. Memantau dan menyediakan laporan keatas status pelaksanaan projek.
9. Meneliti penyediaan pembayaran, permohonan pesanan perubahan, permohonan tambahan masa dan sebagainya.



10. Bertanggungjawab dan memantau pengurusan dan pembahagian kerja keatas kakitangan dibawahnya dalam merancang, menyelidik dan melaksanakan projek supaya ianya berjalan dengan lebih baik dan lancar.
11. Memberikan khidmat nasihat dan tunjuk ajar mengenai proses pelaksanaan projek kepada orang bawahan.
12. Menjalankan tugas-tugas lainnya sesepertimana diarahkan oleh Jurutera Kerja Kanan dan Pengarah.